

Tunggakan elaun: Anak-anak Waris^{12/87} tidak berkecil hati

SEREMBAN, Jumaat — Anak-anak Waris Negeri di Darat daripada Perut Ulu dan Hilir tidak "berkecil hati" jika Kerajaan Negeri Sembilan tidak mahu membayar tunggakan elaun berjumlah lebih \$200,000 kepada bakal penyanggah pesaka Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Sebaliknya, mereka berpendapat usaha menyelesaikan isu perantakan Datuk Kelana ke-10 adalah lebih penting daripada soal tunggakan elaun.

Bagaimanapun, jurucakap mereka berkata pihaknya menghargai segala imbuhan khususnya elaun bulanan dan sebuah kenderaan rasmi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Sembilan untuk penyanggah pesaka itu.

Undang Luak Sungai Ujong menerima elaun bulanan kira-kira \$8,000 dan sebuah kereta rasmi jenis Mercedes 280 SE dari kerajaan negeri melalui peruntukan khas.

Kerajaan Negeri difahamkan tidak membayar tunggakan elaun berkenaan kerana isu itu adalah berpunca dari

"kelemahan pentadbir-pentadbir Adat Perpatih di Luak Sungai Ujong sendiri dan bukannya kesilapan Kerajaan Negeri Sembilan."

"Soal tunggakan elaun ini bukan satu perkara baru kerana ia pernah berlaku sewaktu perantakan Undang ke-8, Allahyarham Datuk Kelana Maamor Datuk Menteri Kassim dahulu," kata jurucakap itu.

Jurucakap itu menjelaskan jawatan Datuk

Kelana ke-8 kosong hampir tiga tahun dan apabila Allahyarham Datuk Kelana Maamor diisytiharkan sebagai Undang ke-8, beliau juga tidak menerima sebarang tunggakan elaun.

Beliau berkata pihaknya juga yakin campurtangan Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad akan dapat menyelesaikan krisis itu, yang bermula sejak Oktober 1983 lalu.